



Teliti kaedah baharu rawatan kanser darah

Oleh **Mahani Ishak** - Ogos 9, 2022 @ 5:55pm
mahani@bh.com.my



Dr Noor Azmi merasmikan Persidangan Saintifik Persatuan Hematologi Malaysia ke-19 di Kompleks Perubatan Canselor Tuanku Ja'afar, Hospital Canselor Tuanku Muhriz, di Cheras, hari ini. - Foto NSTP/Fathil Asri

CHERAS: Kerajaan sedang meneliti kaedah baharu dalam rawatan kanser darah serta menyemak isu seperti regulatori yang dikatakan menyekat perkembangan rawatan penyakit itu.

Timbalan Menteri Kesihatan 1, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali, berkata pada masa sama kerajaan menyambut baik usaha Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang kini menjalankan dua kajian fasa klinikal imunoterapi berasaskan sel (IBS) atau secara amnya sel terapi.

Ketika ini, UKM sedang menjalankan kajian fasa klinikal yang terdiri daripada terapi sel dendritik (DC) dan terkini, Chimeric Antigen Response-T (CAR-T) untuk rawatan kanser darah.

"Kita menyokong kajian sebegini dan akan melihat perkara ini lebih mendalam, memperbaiki keadaan dan melihat isu seperti regulatori yang dikatakan menyekat, menyebabkan kita agak ke belakang berbanding negara lain.

"Kementerian Kesihatan (KKM) akan melihat perkara ini berikutan trend penyakit tidak berjangkit serta kanser menunjukkan peningkatan dewasa ini. Kanser teratas bagi wanita adalah kanser payudara, lelaki (prostat), serta kanser kolorektal didapati meningkat di samping kanser lain seperti paru-paru yang disebabkan penuaan rakyat negara ini dan amalan gaya hidup tidak sihat," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Persidangan Sainifik Persatuan Hematologi Malaysia ke-19 yang diadakan secara hibrid di Kompleks Perubatan Canselor Tuanku Ja'afar, Hospital Canselor Tuanku Muhriz di sini, semalam.

Kaedah lebih baik, selamat

Dr Noor Azmi berkata, KKM melihat terapi sel adalah kaedah terbaru yang lebih baik, selamat dan bersasar berikutan IBS menggunakan sistem imun badan untuk membasmi sel kanser yang dikhususkan kepada keperluan pesakit.

"Saya difahamkan Pusat Terapi Sel UKM sudah merekabentuk kajian klinikal yang pertama di negara ini untuk menilai profil keselamatan dan keberkesanan CAR-T untuk pesakit kanser relaps atau refraktori B-leukimia limfoblastik akut dan limfoma B-non Hodgkin," katanya.

Dr Noor Azmi berkata, kerajaan akan memperkasakan Peranan Ejen Kesihatan Komuniti (MyChampion) dalam usaha mempertingkatkan pendidikan dan promosi kesejahteraan kesihatan.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, peningkatan kes COVID-19, kemasukan ke hospital dan penggunaan unit rawatan rapi (ICU) serta ventilator adalah disebabkan penularan pantas sub varian Omicron BA.4 dan BA.5 yang mula dikesan di negara ini pada Jun lalu.

"Biarpun terdapat peningkatan semua kategori, kadar kematian di negara ini terkawal kerana berada pada satu digit dan hanya sekali dua naik ia hingga 10, namun kembali turun.

"Jadi pada masa sekarang rakyat perlu terus mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan Kementerian Kesihatan (KKM) kerana sub varian itu sangat pantas merebak," katanya.

Tumpu penguatkuasaan pendidikan

Dalam peralihan ke fasa endemik ini, KKM tidak mengenakan tindakan saman, tetapi lebih menumpukan penguatkuasaan secara pendidikan (educational enforcement).

Mengulas mengenai vaksinasi COVID-19, beliau berkata, individu berusia 60 ke atas, mereka berusia 50 hingga 59 yang mempunyai komobid dan golongan 50 hingga 59 yang memang mahu menjaga diri digalakkan mengambil dos penggalak kedua.

"Remaja dan kanak-kanak juga kita sudah mengkategorikan semula dos ketiga, iaitu lengkap dos primer.

"Bagi kanak-kanak lima hingga 11 tahun, remaja 12-17 komobid sama ada sederhana, serius memang kita galakkan mengambil dos ketiga, sebelum mengambil dos penggalak," katanya.